

2

KONSEP KEPIMPINAN POLITIK

Antara banyak isu yang diperkatakan dalam sains politik, masalah berhubung kepimpinan jelas menonjol. Kepimpinan ialah salah satu ciri penting dalam semua kerajaan dan tadbir urus, di mana kepimpinan yang lemah menyumbang kepada kegagalan kerajaan. Sebaliknya, kepimpinan yang kukuh atau dinamik membawa kejayaan kepada kerajaan yang memerintah. Oleh itu, kepimpinan yang bijaksana menjamin kesejahteraan untuk jangka masa panjang, tetapi kepimpinan yang berani secara membabi buta dan kurang bijaksana boleh membawa malapetaka (Masciulli, Molchanov & Knight, 2009: 3).

Penjelasan ringkas di atas memberi gambaran betapa besar peranan kepimpinan politik dalam negara. Bagaimanakah keadaannya di Malaysia? Namun begitu, kelemahan yang wujud dilihat sebagai suatu rutin dalam proses dan aktiviti kepimpinan. Diakui tidak semua pemimpin dan kepimpinan itu berjaya dalam mencapai matlamatnya walaupun ia disifatkan sebagai pemimpin yang sangat berpengaruh dan mempunyai karisma. Ada juga pemimpin yang kurang dikenali, tetapi berkarisma dan mampu melaksanakan kepimpinannya dengan berkesan. Apa yang mustahak, setiap pemimpin mempunyai matlamat dan kepentingan yang hendak dicapainya. Oleh itu, kepentingan dan matlamat utama kepimpinan adalah untuk membawa kejayaan kepada organisasi (Jones, 2005: 259). Justeru, untuk mewujudkan kepimpinan yang cemerlang dan berjaya dalam mana-mana organisasi awam atau swasta, termasuk institusi politik ialah tanggungjawab pemimpin itu sendiri.

Dalam sistem demokrasi, kepemimpinan politik itu merujuk kepada sekumpulan pemimpin yang telah dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya. Aktiviti politik inilah (pilihan raya) yang menentukan kedudukan pemimpin sebagai perwakilan atau ahli badan perundangan. Mereka yang dipilih itulah yang menerajui pemerintahan dan pentadbiran negara seperti Presiden atau Perdana Menteri dan ahli-ahli kabinetnya. Dalam sistem demokrasi berparlimen seperti di Malaysia, pemimpin politik (wakil rakyat) mempunyai peranan yang sangat besar dalam negara. Bab ini membincangkan secara terperinci kepemimpinan politik, seperti telah dibincangkan serba sedikit dalam Bab 1. Dalam bab ini mengupas konsep kepemimpinan politik berdasarkan pada hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh para sarjana terdahulu yang disesuaikan dengan kedudukan wakil rakyat di Malaysia.

KONSEP KEPIMPINAN

Kepimpinan ialah isu yang sangat kompleks, di mana tidak dapat didefinisikan dalam sebaris ayat pendek seperti yang diperkatakan oleh Gibbs (2005: 22) dalam pernyataannya iaitu *"...leadership is a complex issues; it cannot be defined in one short sentence. It takes on different forms in diverse situation in which individuals demonstrate contrasting leadership traits."* Sarjana terkemuka dalam kepemimpinan Bass (1990: 40) menjelaskan kepemimpinan sebagai 'fenomena sejagat' (*universal phenomenon*). Fenomena sejagat itu menunjukkan bahawa kepemimpinan itu wujud dalam semua keadaan sama ada organisasi itu bersifat formal atau tidak formal. Kepimpinan itu berlaku apabila adanya interaksi dan komunikasi dalam kumpulan atau organisasi yang melibatkan pemimpin dan yang dipimpin serta wujudnya pengaruh dalam hubungan antara kedua-dua pihak.

Perkara ini sangat jelas seperti apa yang telah dibahaskan oleh Bass dalam definisinya tentang kepemimpinan iaitu *"...interaction between two or more members of a group that often involves a structuring*